

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 NOVEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Untung Petronas naik RM399 juta

Untung Petronas naik RM399 juta

PETALING JAYA – Petronas Dagangan Berhad (PDB) meneruskan prestasi kewangan kukuh dengan merekodkan lonjakan lebih 100 peratus dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM399.1 juta bagi suku tahun ketiga berakhir 30 September 2022 berbanding suku sama tahun lalu.

Hasil meningkat sebanyak 93 peratus kepada RM10.1 bilion, disumbang oleh volum jualan dan harga jualan purata lebih tinggi, seiring lonjakan aktiviti ekonomi berikutan peralihan berterusan ke fasa endemik dan pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi dan sosial.

Pada suku berkenaan, PDB turut melancarkan usaha niaga baharunya, Cafe Mesra, pada Julai lalu, bukti komitmen berterusannya dalam meningkatkan pengalaman pelanggan dan akan mempercepatkan lagi usaha mempelbagaikan portfolio bukan bahan api.

Cafe Mesra kini boleh didapati di 16 lokasi dan PDB menasarkan untuk mempunyai sehingga 40 premis, kedua-duanya di stesen Petronas dan sebagai cawangan sendiri di seluruh Malaysia. PDB juga mengisytiharkan



PDB akan terus mempercepatkan usaha mempelbagaikan portfolio bukan bahan api untuk sumbangan pendapatan jangka panjang yang lebih positif. – GAMBAR HIASAN

dividen interim sebanyak 20 sen sesaham biasa bagi suku berakhir 30 September 2022.

Pengarah Urusan dan Ketua

Pegawai Eksekutif PDB, Azrul Osman Rani berkata, prestasi lebih kukuh merentas semua segmen perniagaan seiring persekitaran

ekonomi yang bertambah baik selepas pandemik Covid-19.

Tambah beliau,

Kumpulan akan terus mengukuhkan perniagaan teras seiring pemulihan ekonomi negara, sambil kekal berhati-hati terhadap halangan luar dan ketidakpastian global, termasuk risiko kemelesetan global pada masa hadapan.

"Melangkah ke hadapan, kami akan mengandakan usaha untuk mengembangkan aliran pendapatan kami daripada segmen produk bukan bahan api sambil terus membentuk laluan kemampanan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Pada suku ketiga 2022, PDB telah memasang tujuh pengecas kenderaan elektrik arus terus dan panel solar di lapan stesen minyak Petronas dan bersedia untuk meneroka aliran pendapatan baharu dalam segmen mobiliti elektrik.

AZRUL OSMAN RANI